

16 FEB 1999

Abu Zahar - Ibu Tunggal

KERAJAAN MELAKA BUAT PERSEDIAAN BANTU IBU TUNGGAL

MELAKA, 16 Feb (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan menyediakan beberapa bentuk bantuan kepada ibu tunggal di negeri ini bagi mengurangkan bebanan mereka, kata Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Sehubungan itu, katanya sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan beberapa bulan lepas dan kini dalam peringkat akhir kajian mengenal pasti masalah serta bantuan yang akan diberikan.

Bantuan yang dirancangkan itu menyeluruh dan akan disalurkan melalui pelbagai agensi kerajaan dan juga badan-badan kebajikan serta individu di negeri ini, katanya kepada pemberita ketika menghadiri sambutan Tahun Baru Cina di rumah terbuka Pengerusi MCA Negeri Datuk Wira Gan Boon Leong.

Katanya, lebih 500 ibu tunggal telah dikenalpasti di negeri ini terdiri daripada mereka yang ditinggalkan suami dan mempunyai masalah nafkah untuk membesarkan anak mereka.

Jika perlu, ibu tunggal itu akan disenaraikan dalam program pembangunan rakyat termiskin (PPRT) terutama dalam membantu persekolahan anak-anak mereka, katanya.

Bagaimanapun, menurut Abu Zahar kerajaan negeri akan menyediakan pelan jangka panjang untuk ibu tunggal berkenaan supaya mereka mendapat pembelaan yang sewajarnya dan akhirnya meningkatkan taraf ekonomi keluarga mereka.

Dalam perkembangan lain, Abu Zahar berkata sistem pengiliran Ketua Menteri Sabah wajar diteruskan supaya tidak timbul iri hati kerana ia memberi peluang kepada tiga kumpulan utama rakyat Sabah menjadi Ketua Menteri.

"Sistem bergilir Ketua Menteri daripada Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina didapati banyak membantu dalam pembangunan Sabah sejak pilihan raya lepas, " katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa sistem pengiliran jawatan Ketua Menteri Sabah mengikut kaum akan diteruskan jika Barisan Nasional (BN) mendapat mandat rakyat dalam pilihan raya negeri akan datang.

Abu Zahar yang juga Pengerusi BN Melaka berkata walaupun penyandang jawatan Ketua Menteri itu bertukar, dasar kerajaan tetap tidak berubah cuma yang berbeza ialah pendekatannya.

-- BERNAMA

NO WAT